

03 AUG 2001

Najib-Mindanao

M'SIA SEDIA BANTU CAPAI KEAMANAN DI MINDANAO, KATA NAJIB

CYBERJAYA, 3 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan terus menyediakan apa juga bantuan yang termampu agar kemananan wujud di Mindanao dan berharap ia tidak disalah anggap sebagai mencampuri urusan dalaman sebuah negara lain, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Malaysia akan terus memainkan peranannya jika diminta oleh semua pihak. Kita telah membantu mengusahakan perjanjian perdamaian ini dan berharap perjanjian ini akan dilaksanakan dan mencapai matlamatnya," katanya pada sidang berita di sini.

Sebelum itu beliau menyaksikan majlis menandatangani satu dokumen antara Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dan Barisan Pembesanan Kebangsaan Moro (MNLF) yang merintis jalan ke arah perpaduan antara kedua-dua badan yang masing-masing mendakwa mewakili lima juta umat Islam di Mindanao yang dikenali sebagai Bangsamoro.

MNLF telah menandatangani dua perjanjian dengan kerajaan Filipina, satu pada 1976 dan satu lagi pada 1996, yang menghasilkan pembentukan wilayah autonomi Islam Mindanao.

MILF, kumpulan yang berpisah daripada MNLF, sedang mengadakan rundingan damai dengan kerajaan Filipina. Rundingan itu juga berlangsung di Malaysia.

Mengenai perjanjian perpaduan itu, Najib berkata kedua-dua pihak bersetuju tidak akan menggunakan kekerasan atau melancarkan peperangan.

"Kita akan dapat melihat satu era baru untuk rakyat Mindanao," katanya.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Najib berkata MILF tidak harus membiarkan prinsip atau rasa megah diri mereka, menyebabkan mereka terlepas peluang menikmati kemananan dan pembangunan yang ditawarkan oleh pentadbiran baru di Filipina pimpinan Presiden Gloria Arroyo.

Katanya perjanjian perdamaian MILF/MNLF itu yang akan ditandatangani secara rasmi pada 7 Ogos semasa lawatan Arroyo ke Malaysia akan menyumbang ke arah keamanan dan kestabilan rantau ini.

"Ia akan menyediakan anda semua dengan mekanisme bagi pendekatan bersama dalam menjalin kerjasama dengan kerajaan Filipina untuk menyelesaikan soal-soal yang menyentuh kuasa politik serta menaikkan taraf hidup dan pembangunan ekonomi," katanya.

Naib pengerusi MILF Murad Ebrahim berharap Manila akan menyambut baik perkembangan terbaru ini kerana ia akan memudahkan kerajaan Filipina berurusan dengan rakyat Moro sebagai satu entiti.

MNLF diwakili anggota majlis eksekutifnya Hatimil Hassan.

Di KOTA TINGGI, Johor, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perjanjian itu bersejarah kerana ia membuktikan usaha bersungguh-sungguh pihak-pihak bertelagah di negara itu untuk mencari perdamaian yang akan membolehkan suasana aman wujud di selatan negara itu.

Beliau berkata dengan adanya suasana aman itu, Filipina lebih mampu menarik pelabur asing ke kawasan selatan negara itu untuk melabur atau mengadakan usahasama bagi pembangunan sosio ekonominya.

Katanya, rombongan Presiden Arroyo akan dianggotai empat menteri termasuk Menteri Pertahanannya dan lebih 150 anggota sektor swasta negara itu yang akan turut membincangkan mengenai pelaburan dan usahasama dengan ahli perdagangan dan perniagaan Malaysia.

"Presiden Arroyo juga akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya yang menganggap pemilihan Malaysia sebagai negara pertama dilawati oleh Presiden Arroyo dalam lawatannya ke negara-negara Asean membuktikan hubungan dua hala yang baik

antara Filipina dengan Malaysia.

Beliau berkata Menteri Pertahanan Filipina itu juga berpeluang memperkukuhkan hubungannya dengan Najib yang boleh meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama kedua-dua negara dalam membanteras kegiatan lanun di perairan Sabah dan selatan Filipina.

"Sebelum ini pun memang sudah ada hubungan yang baik seperti dalam menjalankan rondaan bersama pasukan keselamatan kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA

MO MNY AKD